

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SPU313 - Isu-Isu Pilihan Dalam Hubungan Utara-Selatan

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Tiap-tiap soalan bernilai 100 markah.

1. Apakah peranan UNCTAD (Persidangan Perdagangan dan Pembangunan PBB) dalam mengatasi masalah-masalah hubungan Utara-Selatan? Jelaskan pencapaian serta kegagalannya.
2. Namakan tiga pendekatan umum (sekolah pemikiran) terhadap ekonomi dunia? Apakah perbezaan pendekatan ini dari segi penjelasan serta dasar-dasar yang mesti dilaksanakan terhadap sistem ekonomi dunia masa kini?
3. Pada ringkasnya apakah perbezaan di antara gagasan NIEO, (Orde Ekonomi Antarabangsa Baru) dan cadangan Suruhanjaya Brandt? Mengapakah kedua-dua gagasan tidak dapat mencapai objektif masing-masing?
4. Jelaskan secara ringkas peranan yang dimainkan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dalam pengurusan ekonomi dunia. Pada pendapat anda, adakah apa yang dapat dilakukan oleh ketiga-tiga institusi antarabangsa ini memadai?
5. Mengapakah Paul Krugman telah menganggap "Keajaiban Asia Timur" sebagai satu mitos? Adakah anda setuju? Beri contoh-contoh daripada kedudukan ekonomi negara-negara Asia Timur yang anda kenali.
6. Sejauhmanakah dapat ASEAN (Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara) mengatasi kesan-kesan negatif globalisasi? Pada pendapat anda apakah yang patut dilakukan oleh organisasi serantau seperti ASEAN untuk menangani krisis dan kegawatan ekonomi yang berlaku pada 1997-98?